

Tiada perkauman di Malaysia: PM

TAWAU, Rabu — Negara Barat yang meramalkan Malaysia tidak mampu mentadbir sebuah negara berbilang bangsa dan agama ketika mencapai kemerdekaan, kini menghadapi masalah di negara mereka sendiri, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sebagai contoh, kata Perdana Menteri, semangat perkauman yang meluap-luap di kalangan rakyat Jerman menimbulkan rusuhan ketika ini, manakala Amerika Syarikat yang dikatakan bertamadun tinggi, juga menghadapi masalah sama.

"Tetapi kenyataannya selepas merdeka, ramalan Barat itu terbukti meleset. Kita tidak menempuh huru-hara sebaliknya berjaya membangunkan negara sebagai salah satu yang termaju di kalangan negara membangun.

"Kejayaan itu terletak kepada perpaduan dan kerjasama di kalangan kaum yang diamalkan pemerintahan kerajaan Barisan Nasional (BN). Malah di sini, hubungan

antara kaum lebih rapat berbanding negara lain termasuk negara maju," katanya di Perhimpunan Pemuda Barisan Nasional (BN) di Padang Perbandaran di sini, petang ini.

Dr Mahathir berkata, rakyat negara ini perlu menjadikan peperangan dan huru-hara di beberapa negara terutama negara bekas Soviet Union yang berperang sehingga menghancurkan sosioekonominya, sebagai iktibar.

Menurutnya, rakyat negara ini perlu mengenang semula perjuangan pelbagai kaum yang memerdekakan negara ini.

"Dengan bersatu, kita mampu mempertahankan negara daripada ancaman mana-mana pihak tetapi jika berpecah, kuasa besar akan sentiasa mengambil kesempatan menindas kita," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, Kerajaan Pusat tidak pernah menindas orang Kristian atau masyarakat Cina dan Kadazan di Sabah seperti disebarkan sesetengah pihak di luar negara.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, mereka bebas menjalankan kehidupan sebagai rakyat negara ini dan bersuara dalam pelbagai mesyuarat. Malah di negara ini, sesiapa saja boleh melihat dengan jelas tiada penindasan.

"Saya sedih apabila ditanya beberapa pemimpin ketika menghadiri mesyuarat di Jakarta baru-baru ini bahawa rakyat Kristian ditindas di Sabah. Mereka mendengarnya daripada pihak tertentu," katanya.

Tanpa menyebut pihak terbabit, Dr Mahathir berkata, sebenarnya mereka bertindak demikian untuk mendapat simpati masyarakat antarabangsa dan melindungi kelemahan mereka selama ini.

Perdana Menteri juga menyelar sikap beberapa pemimpin Parti Bersatu Sabah (PBS) yang masih menjadi pengikut British dengan mengamalkan prinsip 'divide and rule' bagi memastikan mereka terus dapat memerintah Sabah.